

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[PADANG BESAR]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 [RABU]**

**SOALAN:**

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Pedang Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah produk makanan sejuk beku (*frozen food*) dan makanan lain yang diimport dari luar negara di pantau dari segi halalnya dipintu masuk pelabuhan.**

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap produk sejuk beku perlu dikenalpasti samada ianya adalah haiwan, sumber berasaskan haiwan, produk tenusu ataupun produk makanan biasa. Sekiranya produk sejuk beku tersebut adalah **produk haiwan, hasilan haiwan dan produk**

**tenusu**, maka syarat kemasukan produk-produk tersebut mestilah halal dan diperolehi daripada rumah sembelih atau loji pemprosesan yang telah melalui proses verifikasi *sanitary* dan *phyto sanitary* (SPS) oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan pemeriksaan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Apabila produk tersebut diimport ke Malaysia, salah satu dokumen yang perlu disertakan adalah sijil halal produk tersebut yang diperolehi daripada Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf oleh JAKIM. **Pemeriksaan fizikal** akan dilakukan di pintu masuk, stesen kuarantin atau premis kuarantin oleh **pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)**, agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memastikan konsainan yang diimport mematuhi kehendak perundangan yang ditetapkan.

Bagi **produk halal**, MAQIS menetapkan bahawa produk tersebut hendaklah **dilabelkan dengan tanda halal**. Pihak MAQIS akan merujuk kepada JAKIM dalam menangani isu berkaitan halal bagi kemasukan produk makanan sejuk beku (*frozen food*) dan makanan lain yang diimport dari luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[ SEPANGGAR ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berikutan masalah kenaikan harga rumah yang tidak terkawal, apakah Kementerian mempunyai plan strategik untuk mengawal kenaikan harga rumah di masa akan datang.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bajet 2014 telah menggariskan beberapa langkah untuk menangani aktiviti spekulasi yang merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga rumah seperti berikut:-

- i) Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM 1 juta;
- iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang diberikan kepada pembeli;
- iv) Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri *Developer Interest Bearing Scheme (DIBS)*.

Bagi menangani pembelian hartanah secara pukal (*en bloc*), Kementerian saya telah mengenakan syarat baharu dalam permit iklan dan jualan. Syarat baru ini mewajibkan pemaju untuk mendaftarkan nama pembeli bagi penjualan secara pukal iaitu melebihi 4 unit rumah.

Selain itu, strategi yang dilaksanakan adalah dengan meningkatkan bekalan penawaran rumah mampu milik. Kerajaan telah mensasarkan pembinaan 1juta rumah mampu milik bagi tempoh 2013 sehingga 2017 termasuk 500,000 unit oleh Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) yang dipengerusikan oleh YB. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah ditubuhkan bagi memantau pencapaian sasaran tersebut. Dengan meningkatkan bekalan maka ia dapat membantu menstabilkan harga.

Selain itu, Kementerian juga akan melaksanakan Program Mampu Milik Swasta (My Home) dan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang bertujuan untuk meningkatkan bekalan penawaran rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sewaan rumah juga merupakan alternatif bagi membantu golongan tersebut khususnya di bandar-bandar utama.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014